

# UMP, MTDS jalin <sup>Metro (Sekarang) ms 6</sup> kerjasama pendidikan <sup>Jumrat 15/2/13</sup>

**Kuala Lumpur:** Bagi meningkatkan tahap kecemerlangan dalam bidang pendidikan, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Malaysian Turkish Dialogue Society (MTDS), semalam.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, kerjasama di antara dua pihak itu akan membabitkan program pertukaran pelajar, aktiviti kebudayaan dan penyelidikan.

“Menerusi persefahaman ini, UMP berpeluang bekerjasama dengan rakan daripada institusi pengajian tinggi di Turki melalui MTDS,” katanya.

Katanya, institusi pengajian tinggi di Turki mempunyai sistem pendidikan bertaraf tinggi terutama dalam bidang kejuruteraan dan teknikal yang diiktiraf Lembaga Kejuruteraan dan

Teknologi Amerika (ABET).

“Selain itu, kemudahan penyelidikan di institusi pengajian tinggi Turki juga bertaraf dunia dan UMP yakin MoU ini akan memberi masa depan cerah kepada kedua pihak,” katanya pada majlis menandatangani MoU antara UMP dan MTDS semalam.

Dr Daing Nasir dan Timbalan Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Ir Badhrulhisham Abdul Aziz menandatangani MoU bagi pihak universiti itu manakala Presiden

MTDS, Dr Alettin Duman dan Pengarah Pusat Akademik MTDS, Dr Anvarjon Ahmedov mewakili organisasi berkenaan.

Dr Daing berkata, pengenalan budaya dan nilai masyarakat Turki akan membantu pelajar UMP mudah menyesuaikan diri di tempat baru selain berdayasaing dalam persekitaran global dan industri.

**FAKTA**  
Babitkan program pertukaran pelajar, aktiviti kebudayaan dan penyelidikan



DR Daing Nasir (kiri) bertukar dokumen dengan Dr Alettin pada majlis menandatangani MoU, semalam.